

# Utusan Sarawak

TARIKH	12 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	23	RUANGAN	EKONOMI

## Al-Rajhi sasar kad prabayar untuk jemaah haji

KUALA LUMPUR, Selasa — Al-Rajhi Bank menyasarkan pengeluaran 5,000 kad prabayar “Musafir” tahun ini terutamanya kepada bakal jemaah yang akan berangkat untuk mengerjakan haji dan umrah.

“Dalam tahun ini, sebanyak 300 kad telah dikeluarkan. Kami kini bekerjasama dengan Persatuan Ejen-ejen Perlancongan dan Pengembaraan Bumiputra Malaysia untuk memperkenalkan kad prabayar ini kepada Tabung haji dan agensi pelancongan yang terlibat dalam menjalankan pakej haji dan umrah,” katanya kepada pemberita selepas upacara penyampaian pakej haji dan umrah kepada pemegang akaun simpanan i-Zamzam yang bertuah di sini hari ini.

Pemangku Pengarah Perbankan Peruncitan Zulhisham Zailan berkata sejak diperkenalkan pada 2008, 10,000 kad musafir telah dikeluarkan.

Zulhisham berkata kad itu boleh memudahkan pengeluaran wang para jemaah melalui mesin ATM Al-Rajhi tanpa perlu membawa wang yang banyak ketika mengerjakan ibadah di sana.

Selain itu, katanya, kadar servis bagi pengeluaran wang yang ditawarkan melalui Bank Al-Rajhi menggunakan kad Musafir adalah lebih rendah iaitu 4.0 Saudi Riyal (lebih kurang RM3.20) bagi setiap pengeluaran berbanding melalui visa iaitu pada RM10 hingga RM12 setiap pengeluaran.

Terdapat 211 mesin ATM

Al-Rajhi di Mekah dan Madinah yang boleh digunakan untuk tujuan pengeluaran wang.

Pelanggan juga boleh mengeluarkan wang di 3,100 mesin ATM seluruh Arab Saudi, kata Zulhisham.

Kad prabayar itu yang mempunyai had tempoh setahun, boleh ditambah nilai dan juga dipindah milik.

Pelanggan boleh memiliki kad prabayar itu bermula dengan nilai 550 Saudi Riyal (lebih kurang RM460) sehingga 3,050 Saudi Riyal.

Menyentuh tentang akaun simpanan i-Zamzam, katanya akaun itu telah berjaya menarik 30,000 pemegang akaun berjumlah RM70 juta.

— Bernama